

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN ABDUL LATIFF BIN ABDUL RAHMAN
[KUALA KRAI]**

SOALAN NO. 12

TUAN ABDUL LATIFF BIN ABDUL RAHMAN [KUALA KRAI] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-

- (a) berapa bilangan Pegawai Perubatan Latihan Siswazah yang berhenti dan tidak lagi berminat untuk menjadi Pegawai Perubatan untuk tahun 2016, 2017 dan 2018; dan
- (b) adakah Kementerian akan memansuhkan sistem kontrak Pegawai Perubatan Latihan Siswazah dan menyerap terus untuk melayakkan mereka sebagai Pegawai Perubatan selepas tamat latihan memandangkan ketidakcukupan doktor di hospital Kerajaan.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Berdasarkan rekod Kementerian, bilangan Pegawai Perubatan Siswazah yang telah meletak jawatan ialah seramai 234 orang pada tahun 2016, seramai 315 orang pada tahun 2017 dan seramai 303 pada tahun 2018.

Sepertimana Yang Berhormat sedia maklum, graduan perubatan yang ingin mengamal di Malaysia adalah tertakluk kepada Akta Perubatan 1971 yang mana mereka perlu menjalani latihan siswazah terlebih dahulu. Mulai Disember 2016, Kerajaan telah melaksanakan perubahan dasar pelantikan graduan perubatan daripada pelantikan secara tetap kepada pelantikan secara kontrak. Perubahan dasar tersebut dibuat bagi memastikan graduan perubatan menjalani latihan siswazah tanpa tertakluk kepada kekosongan jawatan, kekangan jawatan tetap, tanpa perlu ditemuduga oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam tetapi hanya bergantung kepada kekosongan slot latihan yang boleh ditambah dari semasa ke semasa.

Selain itu, kaedah pelantikan kontrak ini membolehkan Pegawai Perubatan Siswazah lebih komited dan memberi tumpuan sepenuhnya sepanjang menjalani latihan siswazah. Berdasarkan kesan yang positif menerusi pelaksanaan kaedah tersebut, Kerajaan berpandangan kaedah ini wajar dikekalkan dan pelantikan tetap dibuat berdasarkan dalam kalangan bakat terbaik tertakluk kepada kekosongan jawatan dari semasa ke semasa. Secara tidak langsung, melalui kaedah ini juga, Kerajaan dapat membantu meningkatkan jumlah doktor di sektor swasta.

Sekian, terima kasih.